

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

AKTIVITI SKIM PIRAMID DI PULAU PINANG DITUMPASKAN MELALUI 'OPS REWARD'

PUTRAJAYA, 25 Oktober 2022 - Satu operasi bersepadu bagi membanteras aktiviti skim piramid dan pelbagai kesalahan lain di sebuah pusat perdagangan di Jelutong, Pulau Pinang pada 19 Oktober 2022 melibatkan Pasukan Tindakan Khas, Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC)). Operasi ini turut dibantu oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman dan Cyber Security Malaysia (CSM). Pasukan serbuan turut menyerbu empat (4) premis kediaman yang didiami suspek di sekitar Pulau Pinang dan Kedah.

2. Operasi bersepadu ini dijalankan hasil daripada maklumat aduan awam dan risikan pelbagai agensi penguatkuasaan. Hasil pemeriksaan, pasukan serbuan telah menyita pelbagai dokumen, komputer riba dan telefon bimbit yang berkaitan bagi membantu siasatan bersama ini. Selain itu, sembilan (9) buah kenderaan mewah buatan BMW, Toyota, Maserati, Porsche dan Mercedes Benz serta pelbagai beg tangan berjenama mewah milik suspek turut disita. Sebanyak 38 akaun di tujuh (7) buah bank dibekukan serta wang tunai disita keseluruhannya berjumlah RM 967,720.29. Seramai tujuh (7) individu disyaki sebagai suspek kes terdiri

daripada empat (4) lelaki warga tempatan, (2) perempuan warga tempatan dan seorang (1) lelaki warga Taiwan ditangkap untuk membantu siasatan.

3. Hasil siasatan awal yang dijalankan mendapati, syarikat ini disyaki menjalankan dan mempromosikan aktiviti skim piramid kepada orang awam menerusi aplikasi dalam talian dan penjualan pakej tertentu sejak beberapa tahun yang lalu. Syarikat ini disyaki turut aktif melakukan aktiviti tersebut di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Kedah, Terengganu, Sarawak dan negeri lain. Selain itu, syarikat ini juga dikesan menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan lain.

4. Kes disiasat di bawah subseksyen 4 (1) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid (AJLSAP 1993) iaitu menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa lesen dan Seksyen 27B Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid (AJLSAP 1993) iaitu mempromosikan atau menjalankan skim piramid. Semua suspek kes akan turut disiasat di bawah Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 kerana disyaki melakukan aktiviti pengubahan wang haram. Kedua-dua kesalahan ini merupakan Kesalahan Berat di dalam Jadual Kedua AMLATFPUAA 2001. Jika disabitkan kesalahan individu dan syarikat boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

A. Kesalahan melanggar subseksyen Seksyen 4 (1) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid (AJLSAP 1993)

- (i) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua juta ringgit;
- (ii) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

B. Kesalahan melanggar subseksyen Seksyen 27B (1) Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid (AJLSAP 1993)

- (i) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh juta ringgit dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh juta ringgit;
- (ii) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak kurang

daripada lima ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada satu juta ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

C. Kesalahan melanggar subseksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001). Mana-mana orang boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu atau lima juta ringgit, yang mana lebih tinggi.

D. Bagi harta-harta yang dibuktikan terlibat dengan pengubahan wang haram juga boleh dilucuthak dan dijadikan hasil kepada kerajaan Malaysia.

5. Orang ramai juga disarankan agar lebih berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan skim-skim seperti ini bagi mengelakkan kerugian. KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC)), Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Cyber Security

Malaysia (CSM) untuk membanteras aktiviti jenayah perdagangan yang boleh mendatangkan kerugian kepada rakyat dan Negara.

6. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku perdagangan seumpama ini boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal Aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my
- iii. Call Centre 1-800-886-800
- iv. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- v. Ez ADU KPDNHEP

Azman bin Adam
Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

PUTRAJAYA, 25 Oktober 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan niaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

